

CNS8253

■ GB 23-04 00189 BC867

AAB

KERAJAAN AKAN BERTINDAK TERHADAP USAHAWAN YANG MENIPU

Mahathir - Usahawan

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

BANDARAYA HO CHIMINH, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran bahawa kerajaan akan mengambil tindakan terhadap usahawan Malaysia yang menipu rakan kongsi mereka dari negeri asing, untuk cepat kaya.

Katanya, tabiat buruk itu, sekiranya ada, pasti akan memburukkan imej negara dan akan timbullah prasangka buruk terhadap usahawan tulen Malaysia yang ingin mengembangkan perniagaan mereka di luar negeri.

Ia juga akan membahtutkan usaha kerajaan untuk menggalakkan usahawan Malaysia melabur di luar negeri, katanya semasa menjawab soalan para wartawan Malaysia mengenai kemungkinan terdapatnya usahawan tidak bertanggungjawab seumpama itu di kalangan usahawan Malaysia yang kini nampaknya beria-ia untuk melabur di Vietnam.

Dr Mahathir berkata, beliau telah mengingatkan 107 orang usahawan Malaysia yang menyertai rombongannya ke Vietnam itu dalam satu taklimat sebelum ini di Kuala Lumpur bahawa jangan ada di kalangan mereka yang ke Vietnam untuk kaya cepat.

Pelaburan mereka di Vietnam hendaklah kekal untuk melengkapi usaha kerajaan membantu proses membina semula ekonomi Vietnam. -- Lagi.

▼23/04/16-26MST

CNS8330

U GB 23-04 00228 BC870

A A B

Mahathir - Usahawan 2 Bandaraya Ho Chi Minh

I

Dr Mahathir berkata, mulai sekarang, usahawan Malaysia telah mula melabur di negara-negara Amerika Latin dan beberapa negara lain yang pada suatu ketikadahulu mereka agak keberatan untuk berbuat demikian.

+Sudahpun terdapat para usahawan Malaysia yang melabur di Angola,+ jelasnya.

Apabiladitanya mengenai salah tanggapan di kalangan usahawan Malaysia bersabit hak milik tanah di Vietnam, katanya, ini mungkin kerana di Malaysia hak milik tanah sering dianggap sebagai sesuatu yang amat mus tahak.

Katanya, di Vietnam, tanah ialah milik negara. Ia hanya boleh diperolehi melalui pajakan bagi satu tempoh iaitu dari 13 hingga 15 tahun atau dalam kes-kes tertentu sehingga 50 tahun untuk tujuan tertentu.

Sekiranya tanah itu tidak lagi digunakan untuk tujuan yang dimaksudkan, undang-undang Vietnam menghendaki tanah itu dipulangkan kepada kerajaan.

Ini dilakukan kerana pihak berkuasa Vietnam tidak mahu orang ramai menggunakan tanah untuk tujuan spekulasi. -- Lagi.

▼23/04/17-18MST

Mahathir - Usahawan 3 Bandaraya Ho Chi Minh

I

Dr Mahathir berkata, mulai sekarang, usahawan Malaysia telahpun mula melabur di negara-negara Amerika Latin dan beberapa negara lain yang pada suatu ketika dahulu mereka agak keberatan untuk berbuat demikian.

+Sudahpun terdapat para usahawan Malaysia yang melabur di Angola, \+ jelasnya.

Apabila ditanya mengenai salah tanggapan di kalangan usahawan Malaysia bersabit hak milik tanah di Vietnam, katanya, ini mungkin kerana di Malaysia hak milik tanah sering dianggap sebagai sesuatu yang amat m u s t a h a k .

Katanya, di Vietnam, tanah ialah milik negara. Ia hanya boleh diperolehi melalui sewaan bagi satu tempoh iaitu dari 13 hingga 15 tahun . . . atau dalam kes-kes tertentu sehingga 50 tahun untuk tujuan tertentu.

Sekiranya tanah itu tidak lagi digunakan untuk tujuan yang dimaksudkan, undang-undang Vietnam menghendaki tanah itu dipulangkan kepada kerajaan.

Ini dilakukan kerana pihak berkuasa Vietnam tidak mahu orang ramai menggunakan tanah untuk tujuan spekulasi. --Lagi.

CNS8351

U GB 23-04 00125 BC871

AAB

Mahathir - Usahawan 4 Bandaraya Ho Chi Minh

I

Dr Mahathir berkata, hak milik tanah di Vietnam tidak: banyak perbezaan dengan hak milik tanah di Malaysia.

+Kita juga telah berhenti memperuntukkan tanah atas hak milik pegangan bebas. Kita hanya keluarkan atas pajakan selama 99 tahun,+ katanya.

+Perbezaan yang wujud, mungkin, dalam tempoh pajakan dan hakikat bahawa di Malaysia tanah itu boleh dijual atau dicagarkan manakala di sini seseorang tidak boleh berbuat demikian,+ tambahnya.

Perdana Menteri berkata, tidak harus timbul kerewelan bersabit isu hak **milik** tanah (di Vietnam).

Jelasnya, sekiranya orang lain telah melabur di Vietnam mengikut undang-undang tanah yang sama maka beliau tidak memahami mengapa para pelabur Malaysia tidak boleh berbuat demikian. -- Lagi.

▼23/04/17-27MST

U GB 23-04 00195 BC872

AAB

Mahathir - Usahawan 5 (Akhir) Bandaraya Ho Chi Minh

I

Semasa dialog dengan pihak berkuasa Vietnam beberapa hari kebelakangan di sini dan di Hanoi, beberapa usahawan Malaysia telah membangkitkan isu itu dan menganal pasti bahawa undang-undang tanah Vietnam sebagai satu daripada punca yang mungkin menghindarkan para pelabur asing daripada melabur di negara itu.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak faham mengapa soal itu harus dianggap sebagai satu isu besar.

Katanya, sekiranya para pelabur lain dapat melabur di sini lebih awal dan mengikut peraturan-peraturan yang sama tanpa sokongan khusus daripada kerajaan masing-masing, beliau tidak nampak sebarang sebab mengapa para usahawan Malaysia dengan sokongan dan galakan daripada kerajaan tidak boleh berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata, tidak timbul sebarang kesangsian bagi dirinya bersabit keikhlasan kerajaan Vietnam untuk menarik para pelabur asing.

Beliau menjelaskan, mereka (Vietnam) amat nrengahai hubungannya dengan Malaysia kerana mereka menganggap Malaysia sebagai contoh pembangunan yang paling tepat untuk mereka.

Mereka kini menyedari bahawa **model** yang mereka ikuti dari Soviet Union selama ini tidak akan membuahkan sebarang hasil.

Oleh itu, mereka kini mengamalkan sistem perniagaan bebas tetapi masih mengekalkan sistem politik sosialis. -- Bernama.

▼23/04/17-41MST